

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

3 January 2014

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pemegang saham minoriti IOI Corp Bhd berhak merasa tidak puas hati dengan tempoh masa pendek yang diberikan untuk melanggan kelayakan mereka bagi saham-saham IOI Properties Bhd yang akan disenaraikan tidak lama lagi.

Walaupun syarikat telah mengumumkan tarikh penutupan buku bagi tawaran jualan terhad (*Restricted Offer for Sale*) pada 19 Disember 2013 iaitu sekurang-kurangnya 11 hari pasaran sebelum tarikh permohonan menurut Keperluan Penyenaiaan Pasaran Utama, namun prospektus hanya telah dikeluarkan pada 26 Disember 2013, yakni cuma lima hari bekerja sebelum 2 Januari 2014, jika cuti umum dan cuti hujung minggu tidak diambilkira.

IOI sepatutnya sedar bahawa dengan melakukan proses ini semasa hujung tahun yang lazimnya merupakan tempoh percutian, penghantaran secara pos juga mungkin mengalami kelewatan. Ini juga bermakna ramai pemegang saham mungkin tidak menerima dokumen-dokumen yang berkaitan melalui pos tepat pada masanya, justeru itu aduan mereka adalah berasas.

IOI sepatutnya memberikan tempoh masa yang lebih panjang bagi pemegang saham minoriti untuk melanggan saham-saham berdasarkan kelayakan mereka.

Kami memandang serius hal ini mengambilkira bahawa IOI Properties telah menerima kritikan berikutan penyahsenaraianya pada tahun 2009, di mana syarikat ini telah diswastakan pada 0.66 kali aset ketara bersih (NTA) yang dinilai sebanyak RM1.3 bilion.

Kami berharap IOI Corp akan melanjutkan lagi tempoh penutupan bagi permohonan saham (*IOI Corp telah pun memberikan lanjutan selama 4 hari sehingga 6 Januari 2014) dan menunjukkan keprihatinan mereka terhadap pemegang saham minoriti, yang dijangka akan merebut peluang yang ditawarkan ini. Ini disebabkan setiap saham IOI Properties pada harga RM1.76 sesaham di bawah tawaran jualan terhad ini adalah pada diskaun sebanyak 30% kepada harga rujukan sebanyak RM2.51 sesaham. Selain itu, ia juga merupakan diskaun sebanyak 42.7% kepada pro forma aset bersih sesaham IOI Properties sebanyak RM3.07. Sekiranya perlanjutan masa tidak diberi, ia mungkin boleh ditafsir secara negatif oleh orang awam bahawa tawaran yang tidak diambil oleh para pemegang saham yang layak (atas sebab-sebab di luar kawalan mereka) akan diberikan kepada pemegang saham yang lain menurut budi bicara Lembaga Pengarah, pada harga diskaun.

Salam,

Rita

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.